

18 JUN 2003

Umno-Asing/I

MALAYSIA, MODEL MASYARAKAT BARU

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Parti Baath Syria Abdollah Al-Ahmar menganggap Umno sebagai sebuah parti unik yang berjaya membawa Malaysia menjadi sebuah model masyarakat baru.

Beliau berkata usaha oleh Umno telah membawa ke tengah masyarakat, menjadikan Malaysia sebuah negara yang bepengaruh dan dihormati, sama ada di Asia Tenggara mahupun dalam dunia Islam.

Parti Baath dijemput buat pertama kali menghadiri perhimpunan agung Umno esok dan Abdollah berharap ini akan menjadi asas bagi pembinaan hubungan pada masa depan antara kedua-dua parti, katanya kepada Bernama dalam satu temubual di sini hari ini.

Walaupun Malaysia sebuah negara Islam, beliau berkata hubungan antara Syria dan Malaysia kebanyakannya melalui perantaraan negara lain sebelum ini, bagaimana ia semakin kukuh sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

Beliau berkata peranan Malaysia di bawah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah utama di bawah gabungan seperti Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) atau Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan menyokong perjuangan Arab serta negara Islam, terutama perjuangan rakyat Palestin.

Sambil menggelar Dr Mahathir sebagai pemimpin agung, Abdollah berharap kepimpinan baru Malaysia akan mengikut langkah dan mencontohi dasar beliau.

Sementara itu Ung Huot dari FUNCINPEC, bekas perdana menteri pertama Kemboja, berkata parti itu sememangnya kagum dengan Umno selama ini.

Beliau berkata FUNCINPEC akan mengambil iktibar daripada beberapa idea yang dicetuskan pada perhimpunan Umno ini dan belajar mengenai erti perpaduan, keupayaan untuk melaksanakan dasar dan meraih sokongan.

Beliau sedih melihat Dr Mahathir akan melepaskan jawatannya kerana Perdana Menteri telah banyak berjasa kepada Malaysia. Bagaimanapun beliau yakin kesinambungan dasar yang diperkenalkan beliau akan diteruskan oleh penggantinya.

Puan Phumzile Mlambo-Ngcuka dari Kongres Kebangsaan Afrika yang juga Menteri Logam dan Tenaga Afrika berkata Afrika Selatan dan Malaysia mempunyai hubungan yang sudah sekian lama terjalin dari segi perpaduan dan kerjasama menangani masalah bersama.

Beliau menyifatkan Dr Mahathir sebagai pemimpin cemerlang dan pengundurannya akan dirasai ramai bagaimanapun Afrika Selatan yakin hubungan akan diteruskan di bawah kepimpinan baru.

-- BERNAMA

SHO KHY RON